

**BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TAKWIM PELAKSANAAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM), SEMESTER I & III, SESI 2023/2024**

PERKARA	TINDAKAN	KETERANGAN	TARIKH
Keputusan PSPM	Makluman	Pengumuman keputusan PSPM, Semester I & III, Sesi 2023/2024.	23 Februari 2024
Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM	Pemohon dan Pegawai Peperiksaan	Tempoh permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester I & III, Sesi 2023/2024. *Tarikh akhir penerimaan di peringkat kolej tertakluk kepada ketetapan pengurusan kolej masing-masing	23 Februari hingga 4 Mac 2024 (sebelum jam 4.00 petang)

BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM)
SEMESTER I & III, SESI 2023/2024

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pelajar Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin membuat permohonan semak semula keputusan PSPM, **Semester I & III, Sesi 2023/2024**.
- 1.2 Permohonan semak semula hanya bagi keputusan **PSPM, Semester I & III, Sesi 2023/2024** dan hendaklah dibuat **melalui kolej masing-masing**.
- 1.3 Kadar bayaran bagi setiap kursus yang disemak semula adalah RM50.00 (tidak termasuk caj dan cukai berkuatkuasa bagi kiriman wang/ draf bank).
- 1.4 Tempoh permohonan bermula dari hari keputusan **PSPM, Semester I & III, Sesi 2023/2024** diumumkan iaitu pada **23 Februari hingga 4 Mac 2024**.
- 1.5 Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diproses.
**Tarikh akhir penerimaan di kolej tertakluk kepada ketetapan pengurusan kolej masing-masing.*

2.0 PENGISIAN BORANG PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN

- 2.1 Pemohon yang ingin memohon semak semula keputusan peperiksaan hendaklah mendapatkan Borang Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan (**BMKPM/SS/PSPM1**) di kolej.
- 2.2 Borang **BMKPM/SS/PSPM1** perlu diisi dengan lengkap dan disertakan dengan bayaran yang mencukupi.

3.0 KAEDAH PEMBAYARAN

- 3.1 Pembayaran boleh dibuat secara **tunai/ kiriman wang/ draf bank**.
- 3.2 Borang permohonan yang dibuat secara serahan tangan hendaklah disertakan bayaran secara tunai di kaunter bayaran kolej.
- 3.3 Borang permohonan yang dihantar secara kurier hendaklah dikepil bersama dengan kiriman wang/ draf bank.
- 3.4 Bayaran dalam bentuk cek peribadi **tidak akan diterima**.
- 3.5 Pembayaran yang menggunakan kiriman wang/ draf bank hendaklah dibuat atas nama **Pengarah Kolej Matrikulasi Johor**.

***Sila rujuk Lampiran 1: Panduan Pengisian Maklumat Pada Kiriman Wang/ Draf Bank*

4.0 KAEDAH SERAHAN DOKUMEN PERMOHONAN SEMAK SEMULA BERSERTA BAYARAN

4.1 Serahan tangan

- 4.1.1 Hantar borang permohonan yang lengkap kepada Pegawai Peperiksaan kolej untuk semakan.
- 4.1.2 Buat pembetulan sekiranya borang tidak lengkap.
- 4.1.3 Sekiranya borang permohonan lengkap, serah bayaran di kaunter bayaran kolej untuk mendapatkan resit rasmi bayaran.
- 4.1.4 Serah borang permohonan dan salinan resit kepada Pegawai Peperiksaan kolej.

4.2 Penghantaran melalui kurier

- 4.2.1 Pembayaran yang menggunakan kiriman wang/ draf bank hendaklah **dikepikan bersama-sama borang permohonan.**
- 4.2.2 Hantar borang permohonan dan kiriman wang/ draf bank **asal** dengan menggunakan **perkhidmatan kurier** (Pos Laju, DHL, GDex, City Link dll) ke alamat berikut:

**Pengarah
Kolej Matrikulasi Johor
Kementerian Pendidikan Malaysia
Jln. Paya Mas
84900 Tangkak, Johor
(u.p.: En. Mohd Azham Shah bin Abdul Aziz)**

5.0 PENUTUP

- 5.1 Borang permohonan dan kiriman wang/ draf bank yang tidak diisi dengan lengkap atau bayaran tidak mencukupi **tidak akan diproses** dan akan dikembalikan semula kepada pemohon.
- 5.2 Pemohon disaran membuat salinan borang permohonan dan salinan kiriman wang/ draf bank untuk simpanan dan rujukan.
- 5.3 Keputusan semak semula akan dihantar kepada pemohon melalui e-mel pada **5 April 2024.**
- 5.4 Keputusan semak semula yang diumumkan adalah **muktamad** dan **sebarang rayuan** untuk semak semula keputusan tidak akan dilayan.

PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT PADA KIRIMAN WANG



POS MALAYSIA BERHAD (229990-M)

PO KANGAR, JKR 751, JALAN PENJARA,
01000, KANGAR, PERLIS, MALAYSIA


Contact No :04-9761555

MONEY ORDER

Customer Copy

Tran ID/ Invoice No : 2100036389

Remit No :



23139099918499

Acceptance Bank Stamp

Date: 14/03/2023 - 12:00:57

TULIS 'PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI JOHOR BERSERTA ALAMAT' PADA RUANGAN MAKLUMAT PENERIMA

Name :
Address :
Membership No : ID No. :
Nationality : ID Type :
Contact No :

OUTWARD REMITTANCE PAYMENT DETAILS

Deposit Amount (MYR) : 55.90
Net Service Charge (MYR)* : 5.90
Sending Amount (MYR)** : 50.00
Receive Amount (MYR) : 50.00

RECEIVER'S DETAILS


Company Name : Pengarah Kolej Matrikulasi Johor
Address : Kolej Matrikulasi Johor
Kementerian Pendidikan Malaysia
Jln. Paya Mas, 84900 Tangkak, Johor
Contact No : 0388844083 Relationship : Supplier
Purpose of Remittance : Government Sector Source of Funds : Family Income

RECEIVING DETAILS

Receiving Mode : Cash Pickup
Bank/Agent : MALAYSIA CASH PICKUP
Address :
Contact No. :
Cash : 50.00 Bank : 0.00

I/We hereby confirm that the information given above are true, correct and accurate, and agree to be bound by Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia)'s terms and conditions which is available upon request. This transaction is subject to Pos Malaysia's Privacy Policy available at www.pos.com.my. Please note that the sender is responsible for providing a copy of this Money Order to the recipient for payment purposes.

Issuance Branch Date Stamp




[Handwritten Signature]

Sender's Signature

2. JUMLAH BAYARAN = BILANGAN KOD KURSUS X RM50.00

NOR AIN BT AHMAD

Acceptance Branch Date Stamp
(For CLR use only)



PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT PADA DRAF BANK

Maybank
MIB Taman Tun Dr. Ismail, F.T

BANKER'S CHEQUE

STAMP DUTY PAID

VALID FOR SIX MONTHS ONLY FROM DATE OF ISSUE

61480677777 - 026080

TARIKH DATE 26/01/2023

DDMMYY

ATAU PERINTAH OR ORDER

RM *****50.00

FOR MALAYAN BANKING BERHAD

WIKI KAWA (Authorized Signature) 065226

JANGAN TANDATANGAN DI BAWAH GARISAN • 請勿在此線底下簽名 • NO SIGNATURES BELOW THIS LINE

NOT NEGOTIABLE

BAYAR 折交 PAY

馬幣 RINGGIT MALAYSIA

PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI JOHOR

TULIS 'PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI JOHOR' PADA RUANGAN BAYAR KEPADA

2. JUMLAH BAYARAN = BILANGAN KOD KURSUS X RM50.00

00 026080 27 14806 006077777 02